

Ghazali Shafie tokoh terkenal di tanahair dan antarabangsa

Bahan asaf dari Arkib
Negara Malaysia

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, dilahirkan di Kuala Lipis pada 1922, telah dua kali bertanding bagi jawatan Naib Presiden, tetapi tidak berjaya.

Beliau, kini berusia 59 tahun, dicalonkan oleh 13 buah Bahagian UMNO untuk merebut jawatan Naib Presiden parti dalam pemilihan kali ini - kesemua lapan Bahagian di Pahang, tiga dari Melaka dan dua dari Perak.

Beliau seorang tokoh yang terkenal sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Beliau mengetuai Kementerian Luar Negeri selama 10 tahun sebagai Ketua Setiausahaanya, sebelum dilantik menjadi senator pada 21 September, 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dua hari selepas itu, beliau dilantik sebagai Menteri Dengan Tugas-tugas Khas dalam Kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tugas beliau terbahagi kepada dua bidang - untuk mengkaji perhubungan antara kaum secara mendalam di samping bertanggungjawab terhadap Jabatan Perpaduan Negara, dan untuk memimpin sebuah jabatan yang dikenali sebagai Unit Perancang Am (yang bertindak sebagai jabatan yang memberi nasihat kepada Perdana Menteri).

Dalam bulan Februari 1971, Tan Sri Ghazali dilantik sebagai Menteri Penerangan.

Beliau kemudian meletakkan jawatan dalam kabinet dan Dewan Negara tahun berikutnya untuk bertanding dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Kuala Lipis, Pahang, dan berjaya memperolehi kerusi itu.

Berikutan kemenangan tersebut, Tun Razak melantik beliau semula sebagai Menteri dengan Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan.

Pada bulan Ogos 1973, beliau dilantik menjadi Menteri Hal Ehwal Da-



■ TAN SRI GHAZALI

lam Negeri dengan mengekalkan potfolio Penerangan dalam satu rombakan kabinet oleh Tun Razak berikutan kematian Tun Dr. Ismail.

Pada 1 Januari tahun berikutnya, beliau melepaskan potfolio Penerangan kepada Tengku Ahmad Rithauddeen. Dalam pilihanraya umum 1974, Tan Sri Ghazali menang tanpa bertanding bagi kerusi Parlimen kawasan Lipis.

Dalam pilihanraya umum terakhir 1978, beliau sekali lagi dapat mengekalkan kerusi tersebut, mengalahkan calon PAS dan calon bebas.

Didikan

Beliau adalah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO dan beliau juga mengetuai UMNO Bahagian Lipis.

Beliau mendapat didikan awal di Government English School di Raub, Sekolah Clifford di Kuala Lipis dan Raffles College di Singapura.

Tan Sri Ghazali bersama-sama Tun Razak semasa di Raffles College sebelum meletus Perang Dunia Kedua dan kemudian menganggotai Force 136 sewaktu pemerintahan Jepun.

Selepas peperangan tersebut, beliau pergi ke England setelah berjaya mendapatkan biasiswa dan tiga tahun kemudian mendapat ijazah L.L.Bnya dengan kepujian.

No. Siri 155
No. Penerimaan 8/86

Tengku Ahmad Rithauddeen pernah jadi majistret



■ TENGKU A. RITHAUDEEN

TENGKU Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail dilahirkan pada 24 Januari 1932 di Kelantan.

Tokoh keturunan raja ini berkelulusan undang-undang dari Universiti Nottingham, England dan pernah menjadi majistret di Ipoh.

Bellau dilantik menjadi Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan dalam tahun 1963, sewaktu negeri itu di perintah oleh Kerajaan PAS.

Atas sikapnya yang tidak suka terkongkong dengan makan gaji, Tengku Rithauddeen telah meletakkan jawatan tersebut dalam bulan Jun tahun yang sama untuk menubuhkan perniagaan guaman persendirian.

Penglibatan bellau dalam politik UMNO ketika itu hanya sebagai ahli biasa sahaja hingga Februari 1968 bellau dilantik sebagai Pegawai Perhubungan UMNO Kelantan.

Bellau ketika itu begitu aktif dalam lapangan perniagaan, memegang jawatan sebagai pengarah di dalam tiga buah syarikat.

Kemenangan

Bulan Julai tahun yang sama, Tengku Ahmad Rithauddeen dilantik pula sebagai Ketua UMNO Bahagian Machang. Dan kedudukan bellau di kalangan rakan-rakan dan ahli-ahli politik bertambah kukuh bila bellau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Peguam bagi Kelantan, Trengganu dan Pahang pada bulan Februari 1969.

Bellau pertama kali bertanding bagi kerusi Parlimen Kota Bharu Hilir dalam pilihanraya umum 1969 dan mendapat kemenangan kecil

mengalahkan calon PAS, Wan Hashim Wan Ahmad dengan 13,069 undi, pencabarnya itu mendapat 12,914 undi.

Kemenangan itu telah cukup meyakinkan Tun Abdul Razak yang telah mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri.

Sebagai buktinya, Tengku Ahmad Rithauddeen dilantik menjadi Menteri Muda Pertahanan dalam bulan September 1970.

Sebagai seorang tokoh politik, bellau kemudian mencuba nasib buat pertama kalinya untuk merebut kerusi Majlis Tertinggi UMNO (MT) dalam tahun 1971, tetapi nasibnya kurang baik. Bellau tewas.

Ketokohan

Namun begitu bellau tidak kecewa, kerana dua minggu kemudiannya telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Kelantan.

Dalam memegang jawatan itu, Tengku Ahmad Rithauddeen dapat meyakinkan lagi Tun Abdul Razak terhadap ketokohan dan kebolehhannya yang kemudiannya telah melantik bellau menduduki kerusi MT pada bulan Julai 1972.

Di samping memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan, bellau juga ditugaskan dengan portfolio dan tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam rombakan kabinet bulan Ogos 1973, selepas kematian Al-Ishyarham Tun Dr. Ismail, bellau dilantik sebagai Menteri dengan Tugas-tugas Khas bertanggungjawab terhadap Unit Perancangan Am

dan hal-hal di bawah perutusan Perdana Menteri.

Tengku Ahmad Rithauddeen juga ketika itu bertanggungjawab membantu Perdana Menteri dalam hal ehwal luar negeri. Dalam bulan Disember tahun yang sama, bellau mengambil alih tugas dari Tan Sri Ghazali Shafie sebagai Menteri Penerangan, tetapi masih lagi kekal dengan portfolio Tugas-tugas Khas.

Manakala pengawasan Unit Perancangan Am diserahkan kepada Tan Sri Ghazali Shafie.

Nasib Tengku Ahmad Rithauddeen sungguh baik dalam pilihanraya umum 1974, di mana bellau menang tanpa bertanding bagi kerusi parlimen lamanya kawasan Kota Bharu.

Dalam tahun 1975, bellau bagi kali pertamanya terpilih menduduki kerusi MT dengan mendapat undi 909. Bellau dilantik menjadi Menteri Luar dalam rombakan kabinet pada bulan Ogos 1975.

Tengku Ahmad Rithauddeen juga pertama kalinya mencuba nasib bagi merebut jawatan Naib Presiden UMNO dalam pemilihan pucuk pimpinan parti itu pada tahun 1978. Bellau hanya berjaya mendapat tempat ke tujuh daripada sembilan calon bertanding.

Bagaimanapun bellau terpilih semula mengekalkan kerusi MT dengan undi terbesar 915 daripada 71 calon. Bagi pemilihan tahun ini, Tengku Ahmad Rithauddeen telah dicalonkan oleh 12 bahagian bagi Kerusi Naib Presiden.

Bellau juga bertanding bagi mengekalkan MTnya.

No. Siri 150

Pemilihan Timbalan Presiden UMNO

Dr.M: Kedua calon terus berkhidmat



DR. MAHATHIR MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Rabu — Kedua calon yang bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO akan terus berkhidmat dan tidak akan berhenti dari parti atau Kerajaan walau apa juaupun keputusan pemilihan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam satu interviu dengan "Merdeka" — akhbar bulanan UMNO — Datuk Seri Dr. Mahathir yang menang tanpa bertanding untuk jawatan Presiden parti menegaskan, beliau juga percaya "perlawanan itu" tidak akan menjejaskan parti ataupun pentad-

biran Kerajaan.

Katanya: "Sebagai orang yang berpegang kepada prinsip demokrasi saya akan menerima keputusan perwakilan."

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir ini menamatkan spekulasi tentang kemungkinan calon yang kalah dalam pertandingan itu meletakkan jawatan baik dari parti atau kabinet.

Bertanding

Dua orang calon yang bertanding merebut jawatan itu ialah Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam dan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah. Kedua-duanya sekarang ialah Naib Presiden parti.

Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pandangan setengah pihak supaya diwujudkan dua jawatan Timbalan Presiden UMNO, berdasarkan parti mempunyai dua tokoh yang layak untuk jawatan tersebut, bukan satu penyelesaian.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sekiranya formula tersebut dilaksanakan, "kita terpaksa mengadakan tiga jawatan Timbalan, kalau satu ketika kelak ada tiga orang yang sama-sama layak untuk jawatan itu."

"Bagi saya ini bukanlah satu penyelesaian. Ini sebenarnya perbuatan mengelakkan masalah."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dengan berbuat demikian, kita cuma memindahkan masalah dari satu tingkat kepada

tingkat yang lebih tinggi.

Bellau mengingatkan,

"kalau kita mengelakkan perlawanan di peringkat Timbalan, maknanya kita akan menghadapi pertandingan di peringkat tertinggi bilir kekosongan berlaku;

"Kita hendaklah berusaha mengelakkan berlaku pertandingan di peringkat paling tinggi kerana kalau berlaku, maka satu keadaan yang tidak sihat akan wujud, ujarnya.

Adat Umno

Menurut beliau, kalau perlawanan berlaku di peringkat Timbalan, perpecahan boleh dielakkan kerana Ketua parti ada di tempatnya dan dia menjadi faktor penyatuan.

"Tetapi kalau pertandingan di peringkat tertinggi berlaku, parti akan berpecah dua dan inilah yang hendak kita elak," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam soal pemilihan Timbalan Presiden itu, ahli-ahli UMNO patut berpegang kepada "adat" UMNO iaitu apabila seseorang itu sudah diputuskan memegang jawatan tersebut, tidak harus ada orang yang akan mencabarnya, kecuali dalam keadaan-keadaan yang luar biasa — misalnya kalau dia membuat kesalahan yang berat dan sebagainya.

Katanya lagi, sebenarnya rahsia perpaduan dalam UMNO selama ini kerana ahli-ahlinya berpegang kepada adat tersebut iaitu penyelesaian kepimpinan di peringkat kedua, bukan di peringkat pertama.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, pertandingan merebut jawatan tinggi dalam parti bukan satu perkara baru bagi ahli-ahli UMNO.

Katanya, Allahyarham Tun Dr. Ismail pernah melawan Allahyarham Tun Razak untuk jawatan Presiden.

"Memang benar pertandingan Tun Razak — Tun Ismail dulu tidak sehebat pertandingan sekarang, yang nampaknya mempunyai banyak implikasi, lebih hangat dan ada pula amalan-amalan yang tidak betul dilakukan. Kadang-kadang nampak seperti kita berlawan dengan calon dari parti lain," tambahnya.

Prinsip

"Kita faham ini berlaku ketika keadaan panas. Saya percaya bila habis perlawanan kedua pihak akan utamakan UMNO dan perpaduan dalam parti," katanya.

Katanya, pihak yang kalah mestilah menerima pemimpin yang dipilih ramai seperti juga mereka mesti menerima keputusan majoriti."

Tegasnya, kalau ahli-ahli UMNO tidak berpegang kepada prinsip tersebut, mereka tidak berhak menerima konsep demokrasi.

Penerimaan konsep tersebut, tambah beliau, barulah kita boleh dikatakan matang dalam politik demokrasi.

Bellau sendiri yakin perhasan persaingan yang ada sekarang akan lenyap, lebih-lebih lagi kalau semua pemimpin UMNO bersatu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kompleks Ibupejabat UMNO: Pungutan awal \$3 juta kini meningkat \$80 juta



TENGGU RAZALEIGH
Pengerusi Jawatankuasa Kompleks UMNO

KUALA LUMPUR, Rabu — Upacara perletakan batu asas Kompleks UMNO berharga \$200 juta oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn esok, amat bererti dari segi sejarah parti itu.

Bangunan 35 tingkat itu diletakkan batu asasnya dalam tahun ke-35 perjuangan UMNO oleh Presidennya yang kebetulan adalah anak kepada Presidennya yang pertama, Datuk Onn bin Jaafar.

Tambah mengharukan lagi, upacara ini diadakan sehari sebelum perhimpunan agung di mana Datuk Hussein akan menyerahkan teraju parti kepada Presiden baru.

Dengan perletakan batu asas itu mulailah tercapainya impian ahli-ahli UMNO hendak memiliki bangunan yang benar-benar melambangkan kegighan parti dan keindahan budaya bangsa.

InsyAllah impian itu akan menjadi kenyataan dengan siapnya bangunan itu pada awal 1985, menurut Pengerusi Jawatankuasa Kompleks UMNO, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamsah.

Usaha memungut wang untuk bangunan itu dimulakan pada tahun 1971, ketika jawatankuasa itu dibentuk, dengan Tengku Razaleigh sebagai bendaharinya.

Kemegahan

Wang pungutan awal berjumlah \$3 juta telah dilaburkan dan kini meningkat \$80 juta.

Kompleks yang akan menjadi kemegahan, lambang dan darjat orang-orang Melayu di tanahair sendiri, lahir dari keluh kesah, rasa keciwa dan kesal beberapa orang perwakilan UMNO di Perhimpunan Agung

UMNO 1971. Mereka keciwa kerana UMNO masih mengadakan perhimpunan tahunannya di tempat orang.

Keluh kesah itu kemudian memberi ilham — semangat dan rancangan baru kepada Allahyarham Tun Abdul Razak yang kemudian dengan penuh sadar dan cintakan UMNO, bangsa dan negara berusaha mencipta legenda itu, memupuknya hinggalah ia lahir di hari ini dan akan terus berdiri megah pada tahun 1985 nanti.

Allahyarham Tun Dr. Ismail juga adalah pemimpin UMNO. Beliau juga mempunyai saham dalam kompleks yang akan didirikan itu, kerana itu tepat berenah, Jalan Tun Dr. Ismail dipilih untuk mendirikan bangunan pencakar langit yang akan membuka tirainya dengan perisidangan Bank Dunia di dewan

Dari Muka 1

besarannya nanti. Rahsia demi rahsia teresell dalam kompleks tersebut. Lebih 600,000 ahli UMNO yang ada mungkin bertanya apakah rahsia itu.

Tengku Razaleigh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kompleks UMNO memecahkan rahsia itu.

Tarikh 23 Jun yang dipilih adalah 'begitu keramat' artinya. Ia dipilih sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang mahukan ia dilaksanakan oleh ribuan ahli dan pemerhati di perhimpunan UMNO itu. Perhimpunan itu diketakan oleh Tengku Razaleigh tiada significant apa-apa, tetapi dari segi sejarah, kompleks 35 tingkat itu mencipta legenda sejarahnya sendiri. Ia dirangka sendiri oleh UMNO senap 35 tahun dan di Perhimpunan Agung UMNO yang penting, bertukarnya pucuk pimpinan parti dan diadakan sehari sebelum perhimpunan itu berlangsung.

Hadiah

Kelinginan ahli-ahli UMNO untuk mempunyai bangunan pejabat, dewan perisidangan dan sebagainya terasarat sendiri berputik kira-kira 35 tahun lalu. Ketika UMNO lahir dalam gelora semangat kebangsaan yang meluap-luap pada tahun 1946, ahli-ahli UMNO ketika itu telah membayangkan akan wujudnya sebuah kompleks sendiri yang akan menjadi kemegahan bangsa, negara dan watan tercinta.

Di bawah pimpinan Datuk Onn bin Jaafar, UMNO ketika itu berpejabat di Ipoh, Perak. Sebuah bangunan sederhana yang serba kurang. Bangunan itu masih berdiri megah lagi ketika ini.

Dari Ipoh — mengambilly sempena pemimpinya yang berasal dari Johor Bahru, kegiatan UMNO kemudian berpindah ke sebuah bangunan bekas pasukan sukarelawan Jalan Ibrahim, Johor Bahru.

Bangunan itu dihidiahkan oleh Sultan Johor setelah pimpinan UMNO berpindah tangan kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Ja'fari. Ia dipindahkan sekali lagi — berpindahan paling akhir di bangunan yang ada sekarang iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang menempah tuah itu.

Dari tahun 1956, segala aktiviti UMNO berpusat di Kuala Lumpur.

Pengakuan

Bangunan itu sekarang tidak mampu lagi menampung kehadiran 600,000 ahli UMNO. Ia begitu sempit. Tetapi, jasa pasti di kenang — bangunan itu banyak memenuhkan jasa. Dia juga merakamkan berbagai peristiwa sejarah pahit, manis dan memerhatikan rebah-bangun keluh kesah pemimpin UMNO.

Allahyarham Tun Abdul Razak ketika itu begitu lantang memberi pengakuan untuk berusaha membangunkan sebuah kompleks yang akan menjadi kebanggaan dengan perletakan batu asas oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn esok.

Tun Abdul Razak kemudian mencadangkan supaya sebuah ja-

watankuasa dibentuk. Beliau mengamalkan Allahyarham Tun Dr. Ismail ketika itu Timbalan Perdana Menteri duduk mengengeruikan jawatankuasa itu. Tengku Razaleigh dilantik sebagai bendaharinya.

Dengan wang sendiri, UMNO kemudian membeli sebidang tanah 10 ekar di Jalan Tun Dr. Ismail dengan harga 57.50 sekaki persegi. UMNO membayar \$3 juta harga tanah itu.

UMNO walaupun sebuah parti yang didukung oleh Kerajaan, tetapi membuktikan dirinya tidak mengharap — mereka berusaha sendiri mencari wang, membeli tanah untuk bangunan itu.

Bukanlah mudah untuk mencipta sebuah legenda. Apalagi legenda itu akan menjadi kebanggaan, kemegahan dan melambang darjat bangsa.

Rekabentuk

Akitek, Datuk Hisham Al-Bakri yang dipertuguskan jawabankannya menyedikan rekabentuk bangunan kompleks UMNO itu terpaksa bekerja keras, tiga kali rekabentuknya dirombak sebelum bentuk yang ada itu diterima.

Dengan pimpinan Allahyarham Tun Dr. Ismail, Jawatankuasa Bangunan UMNO itu berjaya mengumpul \$3 juta dari derma ahli-ahli dan orangrakyat.

Jawatankuasa itu begitu tegas dengan pendapatnya. Ketegasan ini lebih dirasakan dengan pimpinan Tun Dr. Ismail yang dikenali ketegasannya itu.

Mereka berpendapat, UMNO tidak harus bergantung kepada derma semata-mata untuk melancarkan projek yang begitu besar, yang belanjanya \$300 juta.

Mereka menerima dan menerima hakikat bahawa pelaburan besar-besaran perlu dibuat di saat itu. Keuntungan yang diperolehi akan dapat membiayai atau meringankan pembiayaan projek tersebut.

Kuasa Tuhan dan kehendaknya tidak siapa menghalang. Dan halangan pertama ditempuh dengan berpulang ke rumah tuah Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Datuk Hussein Onn mengambil alih jawatankuasa tersebut pada tahun 1975 dan menyempurnakannya sehinggalah ia kemudian diserahkan kepada Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1976.

Penyerahan tersebut dibuat apabila Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO berikutan ber-

pulangnya ke rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Razak.

Jawatankuasa tersebut bekerja dengan giat menyiapkan cadangan rekabentuk bangunan UMNO yang dicadangkan itu, sehingga ia diterima oleh Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1980.

Perubahan sekali lagi berlaku bila Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tabung Bangunan UMNO yang ditubuhkan itu dengan tujuan meneruskan usaha mengutip derma bagi membiayai pembinaan Kompleks UMNO itu.

Pemungutan derma di seluruh negara dilancarkan dengan jayanya. Hasilnya akan tereslah di depan mata kita, insyaAllah empat tahun lagi.

Kompleks tersebut akan menjadi sebuah kompleks yang termoden di Malaysia, menjalin dan merakamkan konsep senibina berunsur Islam dan kebudayaan Melayu yang diwarisi saman bermula itu.

Di antara ciri-ciri yang terkemuka ialah sebuah dewan perisidangan bertaraf antarabangsa, dilengkapi dengan segala kemudahan moden untuk menampung semua urusan perisidangan, sebuah dewan pameran yang luas dan blok menara 35 tingkat yang mengandungi Ibupejabat UMNO Malaysia dengan segala kemudahan dan kemegahannya.

Dewan perisidangan dengan kapasiti menampung 6,000 orang itu adalah salah satu dewan terbesar di Asia Tenggara.

Lambang

Seperti tertulis dalam perutusan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn sempena upacara perletakan batu asas Kompleks Bangunan UMNO itu, majlis itu disifatkannya sebagai peristiwa yang penting dan bersejarah. Ia bukan sahaja membanggakan setiap ahli UMNO, tetapi juga orang Melayu.

"Kompleks UMNO ini bila siap kelak akan menjadi lambang kekuatan dan kemajuan UMNO serta masyarakat Melayu di negara ini," kata beliau.

Lokasi kompleks bangunan UMNO Malaysia itu ialah di Lot 28 dan Lot 11, Mukim Kuala Lumpur, terletak berhadapan Jalan Tun Ismail dengan Sungai Batu/Sungai Gombak, bersempadan di bahagian belakangnya ialah Lebuhraya Jani Pekeliling/Damansara Parkway, Luas kawasan

ialah 11.0337 ekar.

Kompleks tersebut mengandungi menara pejabat, pusat perisidangan dan pusat pameran dengan luas kawasan pembinaan 1.4 juta kaki persegi. Tapak seluas empat ekar diutukkan bagi pembinaan hotel.

Pusat perisidangannya mengandungi dewan perisidangan untuk 6,000 orang dengan beberapa dewan-dewan kecil untuk perisidangan dan mesyuarat yang kapasitinya 100 hingga 2,000 orang.

Ia direka dengan kelengkapan perkhidmatan yang cukup untuk mengadakan perisidangan, seminar, konvensyen, bengkel dan mesyuarat.

Kemudahan lain seperti bilik-bilik mesyuarat, kecil, restoran, ruang tamu, rehat, tempat kereta dan ruang-ruang pengurusan sekretariat dan kemudahan akhbar juga disediakan.

Menara pejabat pula mengandungi 35 tingkat untuk disewa, dua tingkat perkhidmatan mekanikal dan satu tingkat penthouse.

Lapangan pendaratan helikopter untuk kecemasan diadakan di dataran bumbung menara.

Dilengkap

Ruang pejabat adalah dilengkapi dengan sistem hawa dingin, sistem keselamatan dan bomba pusing moden. Menara ini mengandungi lif lif mengubung tingkat-tingkat yang ada.

Menurut Tengku Razaleigh lagi, Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTA) telah menanganjika WTA Malaysia sebagai pusat pameran bagi rantau ini dan pusat pameran kompleks UMNO itu nanti akan dijadikan pusat terulung di negara ini.

Berlalu berata, kejayaan Kompleks UMNO itu selain dari usaha gijih yang dijalanakan, derma orangrakyat juga Ibupejabat UMNO tidak ketinggalan memberi tuisah kepada pengamal mengedarkan pungen derma jualan tem 3,000 keping kepada semua bahagian UMNO.

Kerana keperluan dan kesukaran serta keluh kesah yang dihalibur, dialami dan dirasai itu, maka upacara bersejarah meletak batu asas nanti yang dilaksanakan lebih 10,000 orang pasti memberi catian yang tidak akan padam dalam lipatan sejarah bermulanya era baru bagi UMNO.

Semuga Kompleks UMNO itu menjadi kebanggaan dan meningkatkan martabat bangsa Melayu di mata dunia!

Kompleks UMNO: Satu legenda yang bakal menjadi nyata

